



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PENGGERAK JENTERA DIESEL (D.2-3 EB.4)
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG PENGGERAK JENTERA DIESEL
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
D.2-3 EB.4 (\$650 - \$1,465 EB KHAS \$1,505 - \$1,665 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 1 kepujian / kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Lanjutan ('A' level) atau sebanding.

ATAU

- b) BDTVEC / BTEC *National Trade Certificate Grade 1 (NTC1)* atau sebanding dalam bidang *Electrical and Electronics Engineering* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Berkemahiran dalam mengendalikan jentera diesel dan pemeliharaan adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Untuk membantu dalam pengendalian dan pemeliharaan jentera diesel serta peralatan bawahannya;
2. Untuk membantu dalam memasukkan pembacaan semua jangka dan alat pengukur elektrik ke dalam buku-buku daftar;



3. Melakukan pengawasan harian ke atas mesin-mesin penjanaan oleh perkakas yang berkaitan;
4. Melakukan kerja-kerja membaik pulih perkakas elektrik seperti *motor*, *battery charger* dan keseluruhan sistem penjanaan;
5. Membuat pinjaman dan pengeluaran barang alat ganti atau perkakas yang diperlukan dalam kerja-kerja membaik pulih; dan
6. Memastikan kerja-kerja dalam keadaan bersih dan teratur, menyimpan dan merekod perkakas yang rosak sama ada untuk dibaik pulih atau seterusnya dipasang semula selesai kerja-kerja pemeliharaan.